

09/12/1998

Berdiri megah di puncak Menara Kuala Lumpur

BERANI ... stuntman tempatan, Saharudin Yusof, berdiri di puncak Menara Kuala Lumpur setinggi 421 meter (gambar kanan, atas) semalam, menjadikannya orang pertama berbuat demikian.

Selain mencipta rekod itu semalam, Saharudin, 37, dengan bantuan tiga ahli bomba dari Balai Bomba Jalan Hang Tuah, Izhar Hashim, 45, Suhaimi Mamat, 21 dan Kamalzul Anuar Zulkifli, 22, berlatih untuk mencipta satu lagi rekod.

Beliau akan cuba mencatatkan rekod turun dari menara tertinggi di Asia dan keempat di dunia itu menggunakan tali, pada jam 9 malam ini.

"Usaha memecahkan rekod ini dilakukan sempena anugerah Malaysia Book of Records di Dewan Wawasan PGRM di Cheras," kata Janice Gan dari CIS Network Sdn Bhd, syarikat yang menganjurkan acara ini.

Usaha itu akan turut disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala TV2 akan menyiarkan acara bersejarah ini secara langsung selama 10 minit.

(END)